

07/06/2000

Kemboja perlu bantuan Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Kemboja berminat untuk mendapatkan kerjasama Malaysia bagi merangka pelan induk pembangunannya berdasarkan pengalaman negara ini memantapkan infrastruktur dan pencapaian tahap sosio ekonomi sejak mencapai kemerdekaan.

Sehubungan itu, satu delegasi dari Kemboja yang diketuai Menteri Perancangannya, Chhay Than, mengadakan lawatan ke sini atas jemputan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bagi memantau kejayaan program pembangunan negara.

Delegasi 12 anggota itu, yang kini dalam rangka lawatan ke semua kementerian di sini, mengadakan perbincangan dan sesi taklimat dengan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu serta pegawai kanan kementerian terbabit hari ini.

Samy Vellu berkata, dalam perbincangan itu banyak kejayaan di sektor pembinaan dan pembangunan di negara ini dikenal pasti boleh dimanfaatkan serta dicontohi kerajaan Kemboja dan negara sedia membantu mereka dalam aspek itu.

"Antara lain, mereka berminat dengan pelan pembangunan kemudahan asas dan struktur binaan jalan serta sistem pengangkutan yang begitu pesat berkembang maju sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957.

"Dalam sesi taklimat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Unit Perancangan Lebuhraya (HPU) hari ini, beberapa bidang yang boleh dibantu kementerian sudah dikenal pasti.

"Sebagai susulan, kerajaan Kemboja akan menghantar pasukan teknikal untuk mendapat butiran terperinci mengenai projek pembangunan negara dan berbincang dengan pegawai kementerian berhubung kaedah pelaksanaannya," katanya.

Samy Vellu berkata, hasrat Kemboja itu menepati semangat kerjasama di kalangan negara Asean yang perlu digarap serta diselaras bagi meningkatkan kestabilan, keselamatan dan kemakmuran serantau.

Sementara itu, Chhay berkata lawatan pertamanya ke sini menjadi perintis kepada pelbagai rancangan dan projek pembangunan yang boleh dilaksanakan di Kemboja dengan bantuan daripada Malaysia.

"Kerajaan Kemboja berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, atas kesanggupannya membantu Kemboja dalam pelbagai bidang sosio ekonomi berikutan permintaan Perdana Menteri negara itu, Hun Sen," katanya.

(END)